



## KENYATAAN MEDIA

---

### **PEMBATALAN ARAHAN & PENENTUAN BERKENAAN PENGGUNAAN SPEKTRUM DI DALAM JALUR FREKUENSI 700MHZ, 900MHZ DAN 2600MHZ**

Sumber spektrum merupakan satu aset negara yang diuruskan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Pengurusan dan kawal selia penggunaan spektrum ini adalah berdasarkan kepada peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000.

Sepertimana yang kita sedia maklum, pengurusan dan penguntukan spektrum ini adalah penting untuk pembangunan negara melalui perkembangan pelbagai sektor seperti perkhidmatan sektor telekomunikasi, penyiaran, sains dan teknologi, kesihatan, maritim dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, 18 instrumen termasuk Arahan dan Penentuan berkenaan penggunaan spektrum jalur frekuensi 700MHz, 900MHz, dan 2600MHz telah dibentangkan kepada saya. Atas dasar isu-isu teknikal, undang-undang dan perlunya mengikut proses yang telus, saya telah mengarahkan Pengerusi MCMC untuk membatalkan Arahan dan Penentuan tersebut serta mengkaji semula instrumen-instrumen tersebut dengan kadar segera.

Kerajaan melalui KKMM komited dalam usaha untuk membangunkan negara serta memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam teknologi dan telekomunikasi, capaian internet jalur lebar berkelajuan tinggi dan kemudahan ICT terkini serta berkualiti tinggi.

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH**  
**MENTERI KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA**  
**3 JUN 2020**